

Fiqh Al-Mizan dan Aplikasinya dalam Fiqh Perubatan Kontemporari: Keseimbangan dalam Isu-Isu Pengurusan Kesihatan Awam

Fiqh Al-Mizan and its Application in Contemporary Medical Jurisprudence: Balanced Approach in Public Health Management Issues

Muaz Muhammad Arif*, Wan Abdul Rahman Wan Ibrisaam Fikry, Ahmad Safwan Yunos, Mohammad Naqib Hamdan
Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: muaz@graduate.utm.my

Article history

Received: 2024-12-28 Received in revised form: 2025-06-22 Accepted: 2025-06-25 Published online: 2025-10-31

Abstract

Fiqh al-Mizan is a concept introduced by Ali al-Qarah Daghi to develop a balanced understanding between religious obligations and community life, including matters involving medicine and health. In the context of contemporary medicine, issues related to public health management involving individual rights and community interests, vaccination programs, and pandemic control measures affecting religious activities often become topics of discussion among various parties, those who support and those who oppose. Problems arise when these opposing groups influence others and directly cause negative effects on public health. This article aims to present the concept of Fiqh al-Mizan as a solution to balance these issues and discuss related matters through an equitable scale of judgment. This study employs qualitative methodology by analyzing the concept of Fiqh al-Mizan, contemporary medical fatwas, and case studies involving health issues such as COVID-19. The findings show that Fiqh al-Mizan can provide a balanced and clear understanding guided by Shariah to resolve these conflicts. This study is expected to provide benefits and guidance to the community, religious scholars, and policymakers in dealing with issues related to contemporary medicine. The concept of Fiqh al-Mizan can be expanded its application, and further research should be conducted to reduce conflicts within the community.

Keywords: Fiqh al-Mizan, contemporary medical islamic jurisprudence, public health, COVID-19

Abstrak

Fiqh al-Mizan merupakan buah fikiran yang diperkenalkan oleh Ali al-Qarah Daghi untuk membentuk kefahaman yang seimbang berkaitan tuntutan agama dan kehidupan masyarakat, termasuk dalam hal-hal melibatkan perubatan dan kesihatan. Dalam konteks perubatan kontemporari, isu-isu berkaitan pengurusan kesihatan awam yang melibatkan hak individu dan kepentingan masyarakat, program vaksinasi, dan langkah-langkah kawalan wabak yang memberi kesan terhadap aktiviti keagamaan sering menjadi perbincangan antara pelbagai pihak, sama ada yang menyokong mahupun yang menolak. Masalah timbul apabila golongan yang menolak ini mempengaruhi orang lain dan memberi kesan negatif secara langsung kepada kesihatan masyarakat secara menyeluruh. Artikel ini bertujuan untuk membawakan konsep Fiqh al-Mizan sebagai solusi untuk menyeimbangkan permasalahan ini dan membincangkan isu-isu yang terkait melalui neraca timbangan yang tepat. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menganalisis konsep Fiqh al-Mizan, fatwa-fatwa perubatan kontemporari dan kajian kes melibatkan isu kesihatan seperti COVID-19. Hasil kajian menunjukkan Fiqh al-Mizan mampu memberikan kefahaman yang seimbang dan jelas berpandukan syariat untuk menyelesaikan pertembungan ini. Diharapkan kajian ini memberi manfaat dan panduan kepada masyarakat, ahli agama dan pembuat polisi untuk berhadapan dengan isu-isu berkaitan perubatan kontemporari. Konsep Fiqh al-Mizan ini juga boleh diperluaskan aplikasinya dan kajian lanjutan perlu dilaksanakan agar ianya dapat mengurangkan pertelingkahan dalam masyarakat.

Kata kunci: Fiqh al-Mizan, fiqh perubatan kontemporari, kesihatan awam, COVID-19

1.0 PENGENALAN

Selama lebih 25 tahun, Prof. Dr. 'Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi telah merangka sebuah konsep bagi menyediakan timbangan untuk masyarakat memahami al-Quran dan Sunnah dengan baik, menolak kepincangan kefahaman, mengelakkan perpecahan, dan memahami sesuatu isu dengan neraca yang adil.

Saban tahun, dunia Islam menyaksikan pertembungan antara aliran sehingga menimbulkan perpecahan sesama umat Islam. Ditambah lagi dengan pertembungan ideologi yang muncul akibat kepincangan kefahaman, masyarakat dilihat sering bermusuhan antara satu sama lain sama ada dari aspek agama mahupun urusan dunia.

COVID-19 yang melanda dunia pada awal tahun 2020 telah memperlihatkan kepada masyarakat pelaksanaan polisi berkaitan pengurusan kesihatan awam secara meluas. Langkah kawalan penularannya telah menyebabkan masalah-masalah baru yang timbul dan berkait secara langsung dengan aktiviti keagamaan, lalu munculnya idea-idea yang berbeza dan melawan autoriti atas nama agama, hasil daripada cara fikir yang salah dan kepincangan kefahaman dalam beragama.

Aspek yang penting dalam pengurusan kesihatan awam adalah mengimbangi hak individu dan kepentingan masyarakat. Pendekatan yang holistik perlu dilaksanakan bagi membawa masalah yang terbaik dan menolak mafsadah semampunya. Keseimbangan kefahaman juga dapat menunjukkan keanjalan pelaksanaan syariat yang sesuai berdasarkan keadaan, situasi dan cabaran semasa. Kajian berkaitan Fiqh al-Mizan ini dapat membantu menjernihkan kefahaman masyarakat dan membuka ruang aplikasinya yang lebih luas agar jurang perbezaa dan perbalahan dapat dikurangkan dalam masyarakat muslim.

2.0 FIQH AL-MIZAN DAN PRINSIP KESEIMBANGAN DALAM ISLAM

Fiqh al-Mizan diertikan sebagai pengetahuan tentang mizan-mizan (timbangan) yang digunakan sebagai penimbang bagi setiap aspek kehidupan dalam Islam (Al-Qarah Daghi, 2019). Allah SWT berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksud: "Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandung kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan ugama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa."

(Surah al-Hadid, 57: 25)

Menurut Ibn Kathir (1999), ayat ini menjelaskan tentang peranan para rasul yang diutuskan dengan hujah, bukti dan mukjizat bertujuan untuk menegakkan keadilan dan hak ke atas manusia, berdasarkan al-Kitab iaitu al-Quran dan al-Mizan iaitu keadilan.

Bagi Al-Qarah Daghi, ayat inilah yang menjadi pencetus idea untuk mengkaji dan menyusun kerangka Fiqh al-Mizan. Kata beliau, Fiqh al-Mizan ini ditulis hasil pemerhatiannya terhadap umat Islam yang jauh daripada maqasid yang penting dalam agama iaitu kesatuan dan mengelakkan perpecahan (Qanat Dakwah, 2020).

Sebahagian ahli tafsir menyebutkan bahawa al-Kitab itu merujuk kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada para rasul (Al-Qurtubi, 2006; Al-Syaukani, 1993). Al-Qarah Daghi pula turut memasukkan Sunnah dalam pengertian al-Kitab. Penurunan al-Kitab datang bersama-sama al-Mizan yang merupakan neraca timbangan untuk memahaminya (al-Kitab) dengan piawaian yang sepatutnya. Kefahaman yang tepat berdasarkan timbangan yang benar akan menatijahkan keadilan kepada seluruh manusia. Cara fikir dan cara faham yang benar ini juga dapat mengurangkan pertelingkahan dan perpecahan akibat pertembungan ideologi atau pandangan (Al-Qarah Daghi, 2019).

Lima rukun yang menjadi tonggak utama Fiqh al-Mizan ini adalah (Al-Qarah Daghi, 2019):

- a) *Al-Wazin*: merupakan pelaksana kepada Fiqh al-Mizan yang terdiri daripada mujtahid, mufti mahupun pengkaji.
- b) *Al-Mauzun*: merujuk kepada perkara yang menjadi timbangan dan isu yang dibincangkan.
- c) *Al-Mizan*: merupakan alat penimbang yang menjadi piawaian kepada sesuatu isu. Isu yang berbeza akan mempunyai mizan yang berbeza.
- d) Fiqh bagi Pelbagai Nilai Timbangan: setiap perkara akan mempunyai nilai timbangannya yang khusus agar ianya dapat dinilai dengan adil.
- e) Melaksanakan konsep Keseimbangan (Fiqh al-Muwazanah dan Mauzunat): mencari timbangan yang paling berat untuk memilih mizan yang tepat.

Dalam penulisan al-Qarah Daghi ini, beliau telah menggariskan beberapa mizan dengan keseimbangannya. Dalam konteks isu-isu kesihatan, mizan-mizan yang berkaitan disenaraikan di bawah.

1. Antara perkara berkaitan dengan mukjizat dan usaha/sebab

Apabila sesuatu penyakit itu menimpa, wujud persoalan adakah kesembuhan itu datang semata-mata melalui kuasa Allah, atau disertakan dengan usaha dan sebab daripada manusia. Mizan yang benar mengajarkan kita bahawa kedua-duanya adalah penting berdasarkan timbangan yang tersendiri.

Contoh jelas yang boleh dilihat pada setiap penyakit atau kemalangan yang menimpa. Keyakinan yang tinggi tanpa berbelah bahagi terhadap kesembuhan yang dikurnia oleh Allah tidak menafikan kepentingan mengambil ubat berdasarkan nasihat pakar. Doa yang dipanjatkan bagi memohon keafiatan daripada-Nya perlu disertai usaha sedaya mampu mencari penawar bagi penyakit yang dihadapi. Melalui mizan kekuasaan Allah, kesembuhan akan datang daripada-Nya. Manakala mizan dunia menetapkan bahawa kesembuhan daripada Allah itu memerlukan usaha dan sebab daripada manusia. Keseimbangan ini boleh dilihat pada kisah Maryam yang diperintahkan

untuk menggoncangkan pokok kurma dalam keadaan sedang mengandungkan 'Isa alaihissalam. Allah berfirman:

وَهَزَىٰ إِلَيْكَ بِجُذْعِ النَّخْلَةِ تُسَاقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا حَنِئًا

Maksud: "Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak."

(Surah Maryam, 19:25)

Al-Qurtubi (2006) menjelaskan ayat ini dengan menyatakan bahawa *sunnatullah* telah menetapkan bahawa manusia itu perlu berusaha untuk mendapatkan rezekinya, walaupun rezeki itu telah ditentukan buatnya. Dengan segala kekuasaan dan mukjizat Allah, kurma-kurma itu boleh sahaja gugur tanpa Maryam berbuat apa-apa. Namun, mizan dunia menuntut Maryam untuk berusaha semampunya dan dengan usahanya itu, Allah berikan mukjizat dengan mengurniaknya buah kurma sebagai sumber kekuatan.

2. Antara qada' qadar dan kebertanggungjawaban amal

Dalam isu berkaitan penyakit berjangkit sebagai contoh, sebahagian masyarakat melihat bahawa jangkitan penyakit adalah ketentuan Allah, lalu mereka menolak langkah-langkah kawalan penyakit. Sedangkan, isu ini perlu dilihat menurut mizannya yang tepat. Dari sudut keimanan, benarlah bahawa sesuatu itu ditentukan Allah seperti yang difirmankan:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Maksud: Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).

(Surah al-Qamar, 54: 49)

Namun dalam masa yang sama, sesuatu bencana itu turut berpunca daripada hilangnya tanggungjawab masyarakat seperti firman Allah:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ

Maksud: Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.

(Surah al-Shuraa, 42: 30)

Hal ini dibuktikan dalam kes COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2019. Pada awalnya cuma kes terpencil, namun akibat tiada waspada dan langkah berjaga serta kawalan yang rapi, virus COVID-19 pantas tersebar yang berakhir dengan pengisytiharan sebagai Pandemik oleh World Health Organisation (WHO). Sebagai langkah bagi mengawal penularan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia mengeluarkan garis panduan bagi setiap rakyat Malaysia yang ingin melakukan sebarang aktiviti sepanjang tempoh penyakit berjangkit itu dianggap Pandemik seperti mengambil suntikan dos vaksin, memakai pelitup muka, menggunakan sanitasi tangan, menjaga penjarakan dan lain-lain.

3. Antara keimanan terhadap kekuasaan Allah dan *sunnatullah*

Adakah sesuatu bencana penyakit hilang dengan kekuasaan Allah atau melalui *sunnatullah*? Mizan yang benar menunjukkan bahawa *sunnatullah* mengajar kita untuk mengambil penawar dan

mendapatkan rawatan untuk menghilangkan sesuatu penyakit, dan dalam masa yang sama beriman dengan Allah yang menyembuhkan penyakit itu.

Apabila ditimpa demam, doktor menyarankan agar diambil Paracetamol, jika selesema ambil Loratadine, dan lain-lain. Kemudian, doktor akan memberikan kepada pesakit mengikut dos yang sesuai dengan keadaan penyakit dan keserasian tubuh badan dengan ubat yang diambil. Kesemua ini merupakan usaha seorang manusia beriman dengan keimanan yang benar. Beranggapan bahawa di sana ada asbab dan usaha yang mendorong kepada kesembuhan berdasarkan mizan antara usaha makhluk dan kuasa Tuhan.

Kisah 'Aisyah juga turut membenarkan mizan ini. Ketika 'Aisyah ditanya oleh 'Urwah tentang penguasaan ilmu perubatan yang ada pada dirinya, beliau berkata:

إن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - كان يسقم عند آخر حياته، فكانت تقدم عليه وفود العرب من كل وجه فتتعت له الأنعام وكنت أعالجها له فمن ثم

Maksud: "Sesungguhnya Rasulullah SAW ditimpa sakit ketika akhir hayatnya. Ketika itu datangnya delegasi 'Arab dari pelbagai tempat yang membawakan ramuan ubat-ubatan, lalu aku membuat ramuan-ramuan itu untuk Rasulullah SAW. Maka daripada situlah (aku belajar tentang perubatan)."

(Ahmad, 2001: 24380)

Peristiwa ini menunjukkan usaha 'Aisyah untuk belajar ilmu perubatan yang ada pada ketika itu dengan tujuan untuk merawat Rasulullah SAW. Baginda SAW dan 'Aisyah tidak terhenti sekadar meyakini kekuasaan Allah yang Maha Menyembuh, tetapi juga turut menyeimbangkan dengan *sunnatullah* yang telah ditetapkan.

4. Antara wahyu/naqli dan akal/deria

Walaupun secara luarannya wahyu boleh dilihat bercanggah dengan akal, namun hakikatnya, percanggahan itu mustahil untuk berlaku. Akal yang sihat tidak akan bercanggah dengan wahyu yang sahih (Al-Qarah Daghi, 2019).

Perkara ini boleh diperhatikan dalam membicarakan isu aurat, pergaulan bebas, seks bebas, seks songsang, rogol dan lain-lain. Dalam surah al-Isra', Allah SWT melarang "mendekati" perbuatan zina. Istilah yang diguna pakai iaitu "mendekati" zina dalam al-Quran membawa maksud bahaya zina dan kesannya kepada individu dan masyarakat menyebabkan permulaan dan cubaan ke arah gejala sosial tersebut dilarang sama sekali. Hal ini termasuk arahan pemakaian yang menurut syarak, pergaulan yang terjaga dan pendidikan agama yang sempurna.

Akal yang sihat akan menyedari bahawa perbuatan zina perlu dicegah awal kerana larangan tersebut telah wujud dalam al-Quran sejak 1400 tahun dahulu. Statistik dan data seluruh Malaysia menunjukkan kes pembuangan bayi dan kes zina yang membimbangkan membenarkan segala dalil naqli tentang larangan zina bertepatan dengan akal sihat yang memikirkan bahaya perbuatan ini yang boleh menjurus ke arah kerosakan salasilah keturunan dan kehancuran tamadun manusia.

Islam mengangkat tinggi peranan akal dalam kehidupan manusia, tetapi tanpa panduan wahyu, akal boleh terpesong dan memilih kemungkaran. Inilah yang berlaku kepada masyarakat barat yang semakin lama mula menerima konsep lesbian, gay, bisexual, transgender (LGBT). Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan pada tahap penerimaan masyarakat Amerika Syarikat terhadap perkahwinan sesama jantina sepanjang tahun 1988 sehingga 2010. Masyarakat yang pada awalnya menolak perkahwinan sejenis ini, mula menerima konsep sebegini dan menjadi lebih

terbuka terhadapnya (Baunach, 2012). Isu sebegini menuntut kita untuk menjaga kesucian akal dengan menjadikan wahyu sebagai panduannya.

5. Antara dalaman dan luaran diri manusia

Dalam menghadapi wabak, antara yang perlu menjadi perhatian adalah pertimbangan antara rohani dan jasmani. Kesembuhan itu datang dengan doa dan pengharapan kepada Allah, bersama-sama dengan penjagaan kesihatan untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit. Islam menekankan kepentingan rohani tanpa mengabaikan kesihatan jasmani. Keseimbangan rohani dan jasmani ini dapat dilihat menerusi hadis baginda Nabi SAW. Nabi SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

أَخْرَصَ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِزَّ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksud: "Berusahalah untuk meraih sesuatu yang bermanfaat bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah, dan janganlah lemah. Jika sesuatu menimpamu, janganlah engkau berkata, 'Kalau saja aku melakukan ini dan itu, tentu hasilnya akan lain,' tetapi katakanlah, 'Ini adalah takdir Allah, dan apa yang Dia kehendaki, Dia lakukan.' Sesungguhnya kata 'kalau' membuka pintu bagi tipu daya syaitan."

(Muslim, 2006: 2664)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa keseimbangan amat penting antara rohani dan jasmani di sisi Islam. Selain daripada itu, Rasulullah SAW sentiasa mengajarkan Sahabat agar melakukan usaha berbentuk fizikal (jasmani) dan setelah segala usaha dilaksanakan baru lah diserahkan sepenuhnya kebergantungan hasil usaha itu kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksud: "Maka apabila engkau telah berazam (bertekad), bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal."

(Ali-Imran. 2:159)

Fokus terhadap aktiviti di rumah sewaktu perintah kawalan pergerakan oleh kerajaan Malaysia sekitar tahun 2020-2021 adalah perkara yang sewajarnya dilakukan oleh setiap rakyat. Orang beriman yang benar mizan pemikirannya, merasakan waktu di rumah yang banyak boleh dimanfaatkan dengan ibadah individu yang lebih tenang dan ibadah berjemaah yang disusun bersama ahli keluarga tercinta. Sukan *indoor* yang menarik juga mampu dilaksanakan bagi mengimbangi kesihatan tubuh badan, mental di samping aktiviti rohani yang berjaya dilakukan.

6. Antara ummah/masyarakat dan individu

Antara mizan yang perlu diperhatikan adalah mempertimbangkan antara kepentingan ummah dan individu. Secara asasnya, Islam memberi penekanan terhadap masyarakat atau ummah berbanding individu. Kepentingan ummah akan diutamakan apabila ianya bertembung dengan kepentingan individu agar dapat memelihara kebaikan atau menolak mudarat yang lebih besar (Mohd Noor Deris, 1993).

Pernah suatu ketika dahulu berlakunya satu wabak yang dikenali sebagai wabak Amwas berlaku sekitar tahun 18 Hijrah di kawasan Amwas, Palestin, yang ketika itu berada di bawah kekuasaan Islam (Khayyat, 1985). Wabak ini, yang dipercayai sejenis penyakit taun, menjadi salah satu ujian besar bagi umat Islam dan telah meragut banyak nyawa, termasuk beberapa sahabat besar seperti Abu Ubaidah bin al-Jarrah dan Mu'az bin Jabal.

Mizan ini ditonjolkan melalui keputusan 'Umar al-Khattab untuk tidak meneruskan perjalanan ke Syam setelah mendengar berita penularan wabak ini. Apabila beliau telah membuat keputusan itu, 'Abd al-Rahman bin 'Auf pula datang dan mengesahkan keputusan 'Umar berdasarkan sabda Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بَأْرَضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksud: “Apabila kamu mendengar terdapat wabak di suatu daerah, janganlah kamu datang ke tempatnya. Sebaliknya, sekiranya wabak itu berjangkit di suatu daerah sedangkan kamu berada di sana maka janganlah kamu keluar melarikan diri daripadanya.”

(Al-Bukhari, 2002: 5729)

Dari sudut aplikasinya ketika wabak COVID-19 berlaku, hanya individu yang tidak bergejala, sudah mengambil dos vaksin, memakai pelitup muka, membawa sejadah sendiri dan terpilih sahaja yang dibenarkan untuk ke masjid bagi menunaikan fardu Jumaat. Walaupun solat Jumaat itu merupakan fardu bagi semua mukmin yang mukallaf, namun pada ketika itu yang diutamakan adalah kesihatan umum (masyarakat).

7. Antara masalah dan mafsadah


Pertimbangan seterusnya dalam perbincangan fiqh perubatan adalah melibatkan masalah dan mafsadah. Pertimbangan ini melibatkan penilaian sesuatu mafsadah dari sudut tahap penularan dan tahap keterukan (severity) dari pelbagai aspek seperti kesihatan dan ekonomi. Masalah juga turut dinilai dari sudut kebaikan yang boleh dicapai berbanding mafsadah yang mungkin atau akan berlaku. Pertimbangan ini dibuat untuk mencapai keputusan yang terbaik berdasarkan situasi ketika itu.

Pada zaman COVID-19, ramai manusia termasuk rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan. Ramai yang hilang punca pendapatan akibat ketidak stabilan ekonomi saat itu. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia mewajibkan pengambilan dos vaksin bagi setiap rakyat Malaysia. Tidak kurang ramai yang membantah kerana berpandangan vaksin mempunyai kesan sampingan terhadap kesihatan namun saat itu mizan yang perlu diambil kira adalah isu ekonomi yang lebih meruncing. Maka, diutamakan mafsadah yang lebih kecil iaitu isu kesan sampingan pengambilan vaksin yang belum diketahui secara tuntas berbanding mafsadah yang lebih besar iaitu tidak mampu bekerja disebabkan tiada suntikan dos vaksin.

Secara ringkasnya, mizan-mizan yang menjadi fokus dalam perbincangan fiqh perubatan dan isu kesihatan ini disusun dalam Jadual 1 di bawah. Kedua-dua aspek dalam sesuatu timbangan perlu dinilai dengan adil untuk mencapai kefahaman yang benar.

Jadual 1: Ringkasan Mizan dengan Timbangannya

Perkara berkaitan dengan mukjizat	Perkara berkaitan dengan usaha dan sebab
Qada dan qadar	Kebertanggungjawaban dan amal
Keimanan dan kekuasaan Allah	Sunnatullah
Wahyu dan <i>naqli</i>	Akal dan deria
Dalaman diri manusia	Luaran diri manusia
Umat, jemaah, masyarakat	Individu
Masalah	Mafsadah



Rajah 1: Kerangka Teori Fiqh Al-Mizan dalam Konteks Isu-isu Kesihatan.

Nota: Kerangka ini disusun berdasarkan rukun-rukun Fiqh al-Mizan untuk diaplikasikan dalam tujuh mizan atau timbangan yang digunakan dalam isu-isu kesihatan dan fiqh perubahan.

Berdasarkan perbincangan ini, teori Fiqh al-Mizan seperti yang divisualisasikan dalam Rajah 1 mampu menyediakan timbangan fikir yang benar dalam menghadapi isu-isu kesihatan kontemporari melalui tujuh mizan yang diuraikan yang akan menjadi instrumen dalam menganalisis isu-isu tersebut. Fokus besar diberikan kepada mizan berkaitan pertimbangan antara masyarakat dan individu kerana ia berkait rapat dengan konteks kesihatan awam secara khusus, manakala mizan-mizan yang lain menjadi sokongan dalam analisis yang dilakukan. Walaupun Fiqh al-Mizan bukanlah teori tersendiri, tetapi ia merupakan sebuah pendekatan untuk mencapai tujuan yang telah digariskan.

3.0 PERTIMBANGAN ANTARA HAK INDIVIDU DENGAN KEPENTINGAN UMUM DALAM KONTEKS KESIHATAN AWAM

Dalam perbincangan pengurusan kesihatan awam, pertembungan antara hak individu dan kepentingan umum sering menjadi perbincangan. Dasar-dasar kesihatan awam seperti program vaksinasi, kuarantin dan isolasi mungkin dilihat bertembung dengan hak autonomi individu yang perlu dipelihara.

3.1 Hak Individu Menurut Islam

Dari sudut perbahasan Islam, hak individu dibincangkan dalam kerangka yang lebih luas iaitu melihat kepada kepentingan umum. Kepentingan individu atau masalah khassash sama sekali tidak boleh bercanggah dengan kepentingan awam atau disebutkan sebagai masalah 'ammah. Prinsip ini ditekankan dalam kaedah fiqh seperti yang disebutkan oleh al-Syatibi (1997):

المَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ مُقَدَّمَةٌ عَلَى الْمَصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ

Maksud: "Maslahah umum lebih diutamakan berbanding maslahah khusus"

Hak individu dalam Islam juga dibincangkan dari sudut kesan mudaratnya. Islam tidak membenarkan apa-apa perkara yang membawa mudarat sama ada ke atas diri sendiri atau masyarakat (Al-Zarqa, 1989). Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Ubadah bin Samit:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksud: "Tiada mudarat dan tidak membawa mudarat"

(Ibn Majah, 1953: 2340)

Jelas di sini bahawa pemeliharaan hak individu dalam Islam perlu dilihat bersama-sama kerangka maslahah umum dan kesan mudaratnya. Sekiranya berlaku pertembungan antara hak individu dan kepentingan awam, maka diutamakan kepentingan awam bagi mengelakkan mudarat ke atas masyarakat.

Terdapat empat syarat dalam mengaplikasikan kaedah ini; masalah umum itu tidak termasuk dalam perkara yang ditolak syarak, jelasnya pertembungan antara masalah umum dan masalah individu dan tidak mampu disatukan, masalah umum itu hendaklah berada di kedudukan darurat (keperluan mendesak) atau hajat (keperluan sederhana), dan kemampuan untuk memberi pampasan disebabkan gugurnya masalah terhadap individu tersebut (Jarab & Al-Janahi, 2024).

Jika diteliti dalam lembaran sejarah, pada zaman khalifah Umar Al-Khattab, tercetus peperangan di kawasan Syam. Peperangan tersebut menyaksikan umat islam berjaya meraih kemenangan yang besar. Terdapat banyak tanah hasil rampasan yang dikuasai oleh umat Islam. Namun demikian, Umar Al-Khattab tidak membahagikan tanah hasil rampasan tersebut terhadap tentera-tentera. Beliau telah menyerahkan semula tanah tersebut kepada penduduk tempatan dan memperkenalkan jizyah (pajak) dan kharraj (cukai). Harta rampasan pula tidak dibahagikan secara terus kepada umat Islam dan tentera yang berperang namun dimasukkan ke Baitu al-Mâl.

Antara alasan yang dikemukakan adalah bagi mengelakkan timbulnya tuan tanah yang baru dalam kalangan muslim. Umar Al-Khattab khuwatir jika tentera islam boleh berubah niat dalam menyertai peperangan, pada asal tujuannya adalah untuk menegakkan kalimah Allah namun berubah kepada faktor keduniaan. Selain itu adalah untuk mengatasi konflik yang berlaku sehingga boleh menyebabkan agama Islam dilabel seperti agama penjajah. Seterusnya, tujuannya adalah untuk mengelakkan daripada kesan politik di kawasan berhampiran atau kesan politik yang muncul daripada kaum akar umbi (Ibn Al-Jawzi, 2013). Oleh itu, jelas terbukti asas pelaksanaan Umar Al-khattab adalah berdasarkan pertimbangan kepentingan umum yang lebih besar yang perlu dijaga.

3.2 Autonomi dan Kebebasan Individu menurut Etika Barat

Prinsip autonomi dalam bidang perubatan diperkenalkan oleh Beauchamp & Childress (2013) apabila mereka menulis tentang empat prinsip yang menjadi asas penting dalam etika perubatan. Menghormati autonomi individu disebutkan sebagai mengiktiraf haknya untuk mempunyai pandangan peribadi, haknya untuk membuat keputusan, dan haknya untuk bertindak berdasarkan pegangannya (Beauchamp & Childress, 2013).

Sebahagian daripada asas utama dalam prinsip ini adalah persetujuan termaklum (*informed consent*) daripada pesakit, hak pesakit untuk mendapatkan maklumat yang benar (*truth-telling*), dan menjaga kerahsiaan pesakit (*confidentiality*). Prinsip ini juga menekankan bahawa autonomi kepada pesakit tidak layak diberikan kepada individu yang tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak atau membuat keputusan sendirian seperti kanak-kanak dan orang yang mengalami kecelaruan mental. Secara realitinya, aplikasi prinsip ini tidaklah semudah menentukan hitam dan putih, tetapi melibatkan banyak faktor dan penilaian konflik antara prinsip. Sebagai contoh, apabila seseorang pesakit kronik menolak rawatan tanpa memberikan apa-apa alasan, pertimbangan perlu dibuat untuk menentukan prinsip mana yang paling kuat. Adakah dia telah diberikan penjelasan tentang penyakitnya? Adakah dia telah diberikan penjelasan tentang kebaikan dan risiko rawatan? Adakah dia boleh berfikir secara waras? Adakah dia menolak rawatan kerana kecelaruan mental dan tidak boleh berfikir dengan waras? Adakah doktor boleh merawat sesuatu penyakit kronik yang memerlukan rawatan mendesak tanpa keizinan pesakit atas prinsip membawa kebaikan untuk pesakit (*beneficence*)? (Varkey, 2020). Ini merupakan sebahagian persoalan dan situasi yang perlu dinilai oleh pakar kesihatan apabila berhadapan dengan pesakit.

Dalam konteks yang lebih luas, prinsip ini mungkin dilihat sebagai ancaman kepada polisi dan pengurusan kesihatan awam. Namun hakikatnya, prinsip ini boleh dinafikan jika ia menimbulkan bahaya ke atas kesihatan masyarakat atau membawa mudarat ke atas orang lain (Beauchamp, 2015). Ini bermakna, seseorang itu tidak berhak menggunakan lesen autonominya jika tindakannya itu memberi kesan buruk kepada orang lain. Giannopoulos (2023) membawakan contoh situasi apabila berhadapan dengan pesakit yang menolak vaksin dan mungkin akan menyebabkan penularan penyakit berjangkit, prinsip *beneficence* (membawa kebaikan untuk pesakit) dan prinsip *non-maleficence* (tidak membawa keburukan kepada pesakit) perlu diutamakan berbanding prinsip autonomi. Pihak kesihatan bukan sahaja perlu menjaga hak pesakitnya untuk menolak vaksin tetapi dalam masa yang sama perlu untuk menjaga keselamatan masyarakat awam dan mengelakkan keburukan secara menyeluruh.

4.0 ISU-ISU PERUBATAN KONTEMPORARI DALAM PENGURUSAN KESIHATAN AWAM

Beberapa isu perubatan kontemporari yang melibatkan pengurusan kesihatan awam seperti program vaksinasi dan pengurusan pandemik disentuh terlebih dahulu sebelum dibincangkan dalam kerangka Fiqh al-Mizan.

4.1 Penolakan Vaksin, Etika Perubatan dan Implikasi terhadap Kesihatan Awam

Menurut Wong et al., (2020), keraguan terhadap vaksin atau vaccine hesitancy dalam masyarakat di Malaysia adalah disebabkan faktor-faktor seperti pengaruh gerakan anti vaksin, pengalaman kesan advers susulan imunisasi (AEFI), menyangka bahawa ianya larangan agama, kepercayaan kepada perubatan tradisional dan alternatif, pengaruh pseudosains dan teori konspirasi.

Pada tahun 2022, Malaysia mencatatkan peningkatan penyakit-penyakit cegahan vaksin. Kes batuk kokol meningkat sebanyak 818% berbanding 2021, kes difteria pula sebanyak 80%, manakala kes demam campak sebanyak 63%. Hal ini disebabkan penurunan kecil terhadap kadar pengambilan vaksin di peringkat global pada tahun 2020 dan 2021 yang telah memberi kesan terhadap imuniti kelompok (Pillai, 2023).

Dari sudut etika perubatan, kewajipan program imunisasi seperti vaksin COVID-19 atau vaksin kanak-kanak oleh sebahagian negara menimbulkan ketegangan kerana dilihat melanggar hak individu untuk membuat keputusan dan menerima atau menolak rawatan, selari dengan prinsip autonomi (Vanderslott & Marks, 2021; World Health Organization [WHO], 2022).

Walaupun pengambilan vaksin merupakan hak individu, tetapi penolakannya membawa kepada peningkatan risiko kepada seluruh komuniti (Omer et al., 2024). Sebuah kajian pemodelan yang dijalankan oleh Olivera Mesa et al., (2023) telah menunjukkan bahawa kadar penolakan vaksin yang kecil mampu memberi kesan besar kepada masyarakat dari sudut kesihatan, ekonomi dan produktiviti sosial.

4.2 Langkah-langkah Kawalan Pandemik

Apabila berlakunya pandemik, kerajaan atau pihak autoriti kesihatan mula melaksanakan langkah-langkah farmakologi dan bukan farmakologi untuk mengawal pandemik seperti kuarantin, pengasingan, penjarakan fizikal, pengesanan kontak dan vaksinasi (Kalyanaraman & Fraser, 2021; Moghadas et al., 2021; Oeltmann et al., 2023).

Walaupun langkah-langkah ini membawa kesan positif kepada pengurusan kesihatan awam, namun ianya menimbulkan isu-isu melibatkan hak asasi manusia seperti hak individu untuk bebas bergerak dan bergaul, hak untuk menolak rawatan, hak untuk bekerja dan sebagainya (United Nations, 2020).

Oleh sebab prosedur operasi standard yang dikeluarkan pihak autoriti kesihatan menyeru kepada penjarakan fizikal dan larangan untuk berkumpul, maka pelaksanaan langkah-langkah ini turut memberi kesan langsung kepada aktiviti keagamaan seperti solat Jumaat dan berjemaah, penutupan masjid dan surau, penangguhan aktiviti umrah dan haji, serta urusan berkaitan mu'amalat yang lain yang memerlukan kepada fatwa baru bagi menghadapinya (Tabari et al., 2020).

5.0 PENDEKATAN FIQH AL-MIZAN DALAM MENANGANI ISU-ISU KESIHATAN AWAM

Fiqh al-Mizan merupakan pendekatan fiqh kontemporari yang diketengahkan oleh Al-Qarah Daghi, yang menekankan penggunaan neraca atau “mizan” dalam membuat pertimbangan syarak berdasarkan prinsip keseimbangan, keadilan, dan *maslahah*. Ia menekankan integrasi antara teks, maqasid, dan realiti kontemporari dengan mempertimbangkan pelbagai disiplin ilmu (Al-Qarah Daghi, 2019). Penggunaan dan aplikasi Fiqh al-Mizan dapat diterjemahkan dalam menyelesaikan isu-isu yang melibatkan pengurusan kesihatan awam. Kefahaman yang jernih dan timbangan yang benar mampu mengelakkan daripada berlakunya kecelaruan dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks kesihatan awam, pendekatan ini dapat digunakan bagi menangani isu-isu semasa seperti vaksinasi, pelaksanaan ibadah dalam situasi wabak, serta penggunaan ubat pencegahan HIV (PrEP), melalui kaedah pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* secara sistematik dan berpandukan prinsip syariah.

5.1 Vaksinasi dari Aspek Pertimbangan Masalah dan Mafsadah, Pengharapan kepada Allah dan Usaha Pencegahan, dan Kepentingan Masyarakat dan Hak Individu

Antara perkara yang paling penting dalam isu vaksin adalah kesannya dari sudut kebaikan yang dibawa dan keburukan yang boleh berlaku. Pertimbangan ini perlu dibuat berdasarkan data saintifik yang kukuh untuk menyokong masalah dan mafsadah daripadanya. Beberapa persoalan perlu dijawab untuk membuat penilaiannya:

- a) Adakah *maslahah* atau kesan positifnya di tahap yakin atau sangkaan yang kuat?
- b) Adakah terdapat *daruriyyat* (keperluan mendesak) atau *hajiyyat* (keperluan sederhana) untuk pengambilan vaksin, atau sekadar di peringkat *tahsiniiyyah* (pelengkap)?
- c) Adakah terdapat *mafsadah* jika menolak vaksin?
- d) Adakah terdapat *mafsadah* jika mengambil vaksin?
- e) Adakah *mafsadah* menolak vaksin lebih banyak atau lebih sedikit berbanding *maslahah* menolaknya?
- f) Adakah *mafsadah* mengambil vaksin lebih banyak atau lebih sedikit berbanding *maslahah* mengambilnya?

Persoalan-persoalan ini memerlukan maklumat dan data daripada pakar perubatan untuk dinilai, selari dengan perintah Allah untuk mengambil pandangan pakar:

فَسْئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksud: "Maka bertanyalah kamu kepada ahlinya (pakar) jika kamu tidak mengetahui."

(Surah Al-Anbiya', 21:7)

Pengambilan vaksin sebagai bentuk pencegahan dan perlindungan awal tidak menafikan aspek pengharapan dan doa kepada Allah. Timbangan Fiqh al-Mizan mengajar masyarakat bahawa doa dan pengharapan itu adalah aspek kekuasaan Allah, manakala usaha pencegahan merupakan aspek *sunnatullah*. Ibn Bayyah (2020) melalui Majlis Fatwa Emeriah Arab Bersatu mengharuskan pengambilan vaksin COVID-19. Bahkan ada kalanya pengambil vaksin itu adalah wajib mengikut keadaan dan situasi. Dalam masa yang sama, beliau juga menyeru kepada memperbanyakkan berdoa dan memohon keampunan Allah agar diangkat wabak ini.

Dari sudut kepentingan awam dan hak individu, Fiqh al-Mizan jelas membuat pertimbangan antara aspek ummah dan individu, dengan mengutamakan kepentingan masyarakat awam mengatasi hak individu apabila berlakunya pertembungan. Pengambilan vaksin yang terbukti berkesan dengan sokongan data-data saintifik dapat melindungi jutaan penduduk global daripada dijangkiti sesuatu wabak dan membantu menghentikan penularan wabak tersebut, seterusnya memberi kesan positif kepada kesihatan, ekonomi dan sosial (Ehret, 2003; Rodrigues & Plotkin, 2020). Imuniti kelompok yang terbentuk dapat memberi perlindungan kepada golongan yang tidak boleh mengambil vaksin atas faktor-faktor tertentu (Ashby & Best, 2021).

5.2 Aktiviti Keagamaan dari Sudut Pertimbangan Ketentuan Allah dan Usaha Manusia

Apabila COVID-19 mula melanda dunia dan langkah-langkah pencegahan diambil untuk mengekang penularan, aktiviti keagamaan seperti penutupan masjid, larangan berjemaah dan lain-

lain turut terkesan. Sebahagian golongan mula mengeluarkan ucapan seperti "lebih ramai orang takutkan kuman daripada takutkan Tuhan" (Ustaz Hanafi, 2020a, 2020b).

Dalam menghadapi bencana wabak ini, neraca yang tepat perlu digunakan dalam membuat pertimbangan. Agama memberi penekanan yang mendalam tentang aspek kerohanian dan keimanan kepada Allah yang berkuasa atas setiap sesuatu, termasuk menghilangkan wabak. Namun dalam masa yang sama, agama juga menekankan aspek usaha manusia dengan mengambil sebab-sebab untuk menghilangkan wabak, seperti yang difatwakan oleh *Dairah al-Ifta al-'Am* Jordan tentang kewajipan mematuhi arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh institusi kesihatan (Dairah Al-Ifta Al-'Am, 2020).

Agama tidak menolak sama sekali usaha manusia untuk mencegah mudarat, malah meminta manusia agar berusaha sehabis baik ke arah hilangnya mudarat selaras dengan prinsip dan kaedah fiqh:

- *الضرر يزال* (kemudaratan mesti dihapuskan)
- *ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب* (apa yang diperlukan untuk menyempurnakan kewajipan adalah juga wajib).

Walaupun aspek kerohanian dan doa kepada Allah merupakan perkara yang sangat penting dan dianjurkan oleh syariat, namun ianya tidaklah sampai ke tahap yang boleh membuka ruang bahaya melalui jangkitan dan penularan dalam masyarakat, seperti fatwa yang dikeluarkan oleh *Dar al-Ifta al-Misriyyah* (Allam, 2020).

5.3 Ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) dari Sudut Pertimbangan antara Kesihatan Awam dan Menggalakkan Maksiat

Ubat PrEP merupakan usaha untuk mengurangkan penularan Human Immunodeficiency Virus (HIV). Ia digunakan sebagai langkah awalan kepada golongan yang berisiko untuk dijangkiti virus tersebut. Dari sudut kesihatan awam, penggunaan ubat ini dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV. Namun dari perspektif agama, ubat ini boleh menyebabkan galakan kepada golongan berisiko untuk mengamalkan seks bebas atau seks sesama jantina (Nurul Ain Hazram et al., 2023).

Aplikasi Fiqh al-Mizan boleh dilihat dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis berkenaan isu ini. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JKFNP) berpandangan bahawa ubat-ubat yang berperanan sebagai langkah perlindungan kepada penyakit adalah harus. Namun, apabila langkah-langkah tersebut boleh membawa kepada galakan untuk melakukan maksiat, maka ia perlu dibuat pertimbangan antara kebaikan dan keburukan. JKFNP melihat bahawa keburukan penularan HIV secara meluas adalah lebih besar berbanding keburukan penyalahgunaan PrEP oleh golongan yang mengamalkan seks songsang. Ini kerana, penyebaran penyakit ini bukan sahaja ke atas golongan-golongan tersebut, tetapi juga melibatkan mangsa-mangsa yang terdiri daripada pasangan yang sah yang terdedah kepada HIV akibat kegiatan seks bebas pasangannya. Dalam masa yang sama, fatwa pengharaman penggunaan PrEP diputuskan ke atas golongan yang jelas mengamalkan seks bebas atau songsang (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, 2023). Maka dalam isu ini, Fiqh al-Mizan berperanan untuk membantu membuat pertimbangan berdasarkan neraca yang tepat dalam memutuskan hukum berkaitan penggunaan PrEP.

Jika diamati dengan lebih mendalam, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis menggunakan pendekatan Fiqh al-Mizan untuk membuat keputusan fatwa dengan menimbangkan *maslahah* dan *mafsadah* berdasarkan prinsip:

- سد الذرائع (menutup jalan kepada kerosakan)
- مصلحة مرسله (maslahat yang tiada nas khusus tetapi diiktiraf syarak)

6.0 KESIMPULAN

Dalam keadaan masyarakat muslim yang dilihat saling bertelagah dalam memperjuangkan pandangan masing-masing, Fiqh al-Mizan datang untuk menyelesaikan perselisihan tersebut dengan menyediakan neraca timbangan yang adil untuk memahami letak duduk sesuatu isu dan permasalahan.

Dalam konteks fiqh perubatan, pertembungan antara golongan yang menyokong dan menolak sesuatu polisi kesihatan boleh memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Golongan-golongan ini juga menggunakan hujah agama bagi menyokong dakwaan masing-masing dan menjadikan agama sebagai justifikasi terhadap pandangan mereka. Penggunaan prinsip Fiqh al-Mizan dapat memastikan agar hujah-hujah agama itu difahami dengan neraca yang benar agar tidak disalahfahami oleh mana-mana golongan, yang mungkin akan menyebabkan mudarat yang lebih besar kepada seluruh masyarakat.

Pihak autoriti agama dan penggubal dasar seharusnya menjadikan pendekatan Fiqh al-Mizan ini dalam mengeluarkan fatwa dan polisi untuk dilaksanakan dalam masyarakat. Penerapan Fiqh al-Mizan dalam garis panduan komunikasi fatwa dan polisi dapat memupuk cara fikir yang benar dan sederhana dalam menghadapi konflik dan pertembungan idea terutama ketika situasi darurat seperti wabak.

Diharapkan kajian ini membuka ruang penyelidikan baru terhadap aplikasi Fiqh al-Mizan agar dapat memberi manfaat kepada golongan agamawan, ahli akademik dan masyarakat serta mengurangkan pertelingkahan sesama masyarakat muslim khususnya dan masyarakat awam umumnya.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas penganugerahan geran UTM Fundamental Research (Q.J130000.3853.22H11).

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Rujukan

- Ahmad, I. H. (2001). *Musnad Ahmad* (S. Al-Arnaout, Ed.; 1st ed., Vol. 38). Muassasah Al-Risalah.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2002). *Sahih Al-Bukhari* (1st ed.). Dar Ibn Kathir.

- 'Allam, S. I. (2020, May 10). *Al-Ijtima li Al-Du'aa fi Zaman Al-Wabak*. Dar Al-Ifta Al-Misriyyah. <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/15344/الاجتماع-للدعاء-في-زمن-الوباء> Diakses pada 19 September 2024.
- Al-Qarah Daghi, 'Ali Muhyiddin. (2019). *Fiqh Al-Mizān: Landasan Kefahaman Al-Quran dan Sunnah serta Menolak Kepincangan Kefahaman dan Perpecahan* (1st ed.). Telaga Biru.
- Al-Qurtubi, M. bin A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran* (A. bin A. A.-M. Al-Turki, Ed.; 1st ed.). Muassasah Al-Risalah.
- Al-Syatibi, I. M. (1997). *Al-Muwafaqat* (M. Aali Salman, Ed.; 1st ed.). Dar Ibn 'Affan.
- Al-Syaukani, M. 'Ali M. (1993). *Fath Al-Qadir* (1st ed.). Dar Ibn Kathir, Dar Al-Kalim Al-Tayyib.
- Al-Zarqa, M. A. (1989). *Syarh Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah* (2nd ed.). Dar Al-Qalam.
- Ashby, B., & Best, A. (2021). Herd immunity. *Current Biology*, 31(4), R174–R177. DOI: <https://doi.org/10.1016/J.CUB.2021.01.006>
- Baunach, D. (2012). Changing Same-Sex Marriage Attitudes in America from 1988 Through 2010. *The Public Opinion Quarterly*, 76, 364–378. DOI: <https://doi.org/10.2307/41684569>
- Beauchamp, T. L. (2015). The Principles of Biomedical Ethics as Universal Principles. In *Islamic Perspectives on the Principles of Biomedical Ethics: 1*, 91–119. World Scientific (Europe)/Imperial College Press. DOI: https://doi.org/doi:10.1142/9781786340481_0004
- Beauchamp, T. L., & Childress, J. F. (2013). *Principles of Biomedical Ethics* (7th ed.). Oxford University Press.
- Dairah Al-Ifta Al-'Am. (2020, March 14). *Bayan haula Solat Al-Jumu'ah wa Al-Jama'ah*. Dairah Al-Ifta Al-'Am. <https://www.alifta.jo/article/2471/بيان-حول-صلاة-الجمعة-والجماعة#.YD4gTGgzaUk> Diakses pada 19 September 2024.
- Ehreth, J. (2003). The global value of vaccination. *Vaccine*, 21(7–8), 596–600. DOI: [https://doi.org/10.1016/S0264-410X\(02\)00623-0](https://doi.org/10.1016/S0264-410X(02)00623-0)
- Giannopoulos, G. (2023). The Ethics of Healthcare: Balancing Patient Autonomy and Public Health. *International Journal of Public Health & Safety*, 8(3). <https://www.hilarispublisher.com/open-access/the-ethics-of-healthcare-balancing-patient-autonomy-and-public-health-98523.html> Diakses pada 18 November 2024.
- Ibn Al-Jawzi, 'Abd Al-Rahman 'Ali. (2013). *Manaqib Amir Al-Mukminin 'Umar Al-Khattab* ('Amir Hasan Sabri Al-Tamimi, Ed.; 1st ed.). Al-Majlis Al-A'la li Al-Syu'un Al-Islamiyyah Mamlakah Al-Bahrain.
- Ibn Bayyah, 'Abd Allah. (2020, December 21). *Hukm Istikhdam Liqah COVID-19*. Al-Mauqi' Al-Rasmi Li Al-'Allamah Al-Syeikh 'Abd Allah Bin Bayyah. <https://binbayyah.net/arabic/archives/4986> Diakses pada 24 Januari 2024.
- Ibn Kathir, I. bin U. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim* (S. M. Al-Salamah, Ed.; 2nd ed.). Dar Taibah.
- Ibn Majah, M. Y. (1953). *Sunan Ibn Majah* (M. F. 'Abd Al-Baqi, Ed.). Dar Ihya Al-Kutub Al-'Arabiah.
- Jarab, Y. M. T., & Al-Janahi, 'Arif Muhammad. (2024). Kaedah Al-Maslahah Al-'Ammah Muqaddimah 'ala Al-Maslahah Al-Khassah: Dirasah Tasiliyyah wa Namazij Tatbiqiyyah Mu'asarah. *Omdurman Islamic University Journal*, 19(2), 241–263. DOI: <https://doi.org/10.52981/oij.v19i2.3081>
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. (2023). Hukum Pemberian Ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Kepada Golongan Yang Berisiko. In *Jabatan Mufti Negeri Perlis*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/835-hukum-pemberian-ubat-pre-exposure-prophylaxis-prep-kepada-golongan-yang-berisiko> Diakses pada 18 November 2024.
- Kalyanaraman, N., & Fraser, M. R. (2021). Containing COVID-19 through contact tracing : A local health agency approach. *Public Health Reports*, 136(1), 32–38. DOI: <https://doi.org/10.1177/0033354920967910>
- Khayyat, K. (1985). *Tarikh Khalifah bin Khayyat* (A. D. Al-'Umar, Ed.; 2nd ed.). Dar Taibah.
- Moghadas, S. M., Vilches, T. N., Zhang, K., Wells, C. R., Shoukat, A., Singer, B. H., Meyers, L. A., Neuzil, K. M., Langley, J. M., Fitzpatrick, M. C., & Galvani, A. P. (2021). The impact of vaccination on

COVID-19 outbreaks in the United States. *MedRxiv*. DOI: <https://doi.org/https://doi.org/10.1093/cid/ciab079>

- Mohd Noor Deris. (1993). Susunan Keutamaan Masalahah dan Fungsinya dalam Perundangan Islam. *Jurnal Syariah*, 1(2), 174–181.
- Muslim, A. A.-H. (2006). *Sabih Muslim* (N. bin M. Al-Farayabi, Ed.; 1st ed.). Dar Taibah.
- Nurul Ain Hazram, Mashitah Abdul Mutalib, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, & Nur Aina Abdulah. (2023). Pemberian Ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Kepada Golongan LGBT: Analisis Dari Perspektif Syariah: Administration of Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Drugs to LGBT Groups: An Analysis from the Shariah Perspective. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 103–119. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/161>
- Oeltmann, J. E., Vohra, D., Matulewicz, H. H., DeLuca, N., Smith, J. P., Couzens, C., Lash, R. R., Harvey, B., Boyette, M., Edwards, A., Talboy, P. M., Dubose, O., Regan, P., Loosier, P., Caruso, E., Katz, D. J., Taylor, M. M., & Moonan, P. K. (2023). Isolation and Quarantine for Coronavirus Disease 2019 in the United States, 2020–2022. *Clinical Infectious Diseases*, 77(2), 212–219. <https://doi.org/10.1093/cid/ciad163>
- Olivera Mesa, D., Winskill, P., Ghani, A. C., & Hauck, K. (2023). The societal cost of vaccine refusal: A modelling study using measles vaccination as a case study. *Vaccine*, 41(28), 4129–4137. DOI: <https://doi.org/10.1016/J.VACCINE.2023.05.039>
- Omer, S. B., Salmon, D. A., Orenstein, W. A., deHart, M. P., & Halsey, N. (2024). Vaccine Refusal, Mandatory Immunization, and the Risks of Vaccine-Preventable Diseases. *New England Journal of Medicine*, 360(19), 1981–1988. DOI: <https://doi.org/10.1056/NEJMsa0806477>
- Pillai, S. (2023, August 22). *Pertussis, Diphtheria, Measles Spiked In Malaysia In 2022*. CodeBlue. <https://codeblue.galencentre.org/2023/08/22/pertussis-diphtheria-measles-spiked-in-malaysia-in-2022/> Diakses pada 3 September 2024.
- Qanat Dakwah. (2020, April 25). *Fiqh Al-Mizān (1) | ma'a Dr. 'Ali Al-Qarah Daghi | Qanat Dakwah [Video]*. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=R0YufWz5IU4&list=PLYwkvnebebR87bhhlQw2cjwhivQI5yyWW0> Diakses pada 10 September 2024.
- Rodrigues, C. M. C., & Plotkin, S. A. (2020). Impact of Vaccines; Health, Economic and Social Perspectives. *Front. Microbiol*, 11, 1526. DOI: <https://doi.org/10.3389/fmicb.2020.01526>
- Tabari, P., Amini, M., Moghadami, M., & Moosavi, M. (2020). International Public Health Responses to COVID-19 Outbreak: A Rapid Review. *Iranian Journal of Medical Sciences*, 45(3), 157–169. DOI: <https://doi.org/10.30476/ijms.2020.85810.1537>
- United Nations. (2020). COVID-19 and Human Rights: We are all in this together. In *United Nations*. <https://unsdg.un.org/sites/default/files/2020-04/COVID-19-and-Human-Rights.pdf> Diakses pada 4 September 2024.
- Ustaz Hanafi. (2020a, March 13). *Hairan.. Manusia lebih takutkan Kuman dari Tuban.... [Facebook status update]*. Facebook. <https://www.facebook.com/ustazhanafiah/posts/pfbid0epYeyVZBjWUeJdGwgfNpt9Dr4nonMmj8az1KizZzb5u3bx7Us92HiV6HbEjWxNYnl> Diakses pada 18 Jun 2023.
- Ustaz Hanafi. (2020b, March 13). *Tutup semua masjid selama 5 hari dan tiada solat jumaat di Singapura. [Video]*. Facebook. <https://www.facebook.com/ustazhanafiah/videos/867468227018167> Diakses pada 11 Jun 2023.
- Vanderslott, S., & Marks, T. (2021). Charting mandatory childhood vaccination policies worldwide. *Vaccine*, 39(30), 4054–4062. DOI: <https://doi.org/10.1016/J.VACCINE.2021.04.065>
- Varkey, B. (2020). Principles of Clinical Ethics and Their Application to Practice. *Medical Principles and Practice*, 30(1), 17–28. DOI: <https://doi.org/10.1159/000509119>
- Wong, L. P., Wong, P. F., & AbuBakar, S. (2020). Vaccine hesitancy and the resurgence of vaccine preventable diseases: the way forward for Malaysia, a Southeast Asian country. *Human Vaccines & Immunotherapeutics*, 16(7), 1511–1520. DOI: <https://doi.org/10.1080/21645515.2019.1706935>
- World Health Organization [WHO]. (2022). COVID-19 and mandatory vaccination: Ethical considerations: Policy brief. In *World Health Organization*.